



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : TEORI SENIBINA 2
KOD KURSUS : DSB 2163
PEPERIKSAAN : JUN 2023
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A


Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab semua soalan pada Buku Jawapan.

1. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai Rumah Ibu.

- A Merupakan ruang dengan aras lantai paling tinggi.
- B Merupakan ruang menjalankan aktiviti kerja-kerja rumah.
- C Merupakan ruang utama dalam rumah tradisional Melayu.
- D Merupakan ruang berehat dan memerhatikan orang lalu lalang.

2.



Gambar rajah 1

Gambar rajah 1 menunjukkan Rumah Melayu Tradisional jenis Minangkabau.
Pilih ciri yang tepat mengenai rumah tersebut.

- A Banyak dijumpai di Negeri Terengganu
- B Dipengaruhi oleh senibina daripada Sumatera.
- C Mempunyai pintu besar sebagai simbol kemegahan.
- D Menggunakan bumbung berbentuk sabit melengkung.

3. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai serambi.

- i. Ruang bersebelahan rumah ibu.
- ii. Ruang bersifat semi-private.
- iii. Ruang tempat melakukan aktiviti harian.
- iv. Ruang berehat dan bersempang.

A i, iii

B ii, iv

C i, ii, iv

D i, iii, iv

4. Pilih kenyataan yang **benar** tentang komponen Kampung Melayu Tradisional.

- i. Padang
- ii. Sawah padi
- iii. Laut
- iv. Sungai

A i, ii, iii

B ii, iii, iv

C i, ii, iv

D i, ii, iii, iv

5. Bagaimakah faktor kedatangan Islam mempengaruhi rekabentuk Rumah Tradisional Melayu?

- i. Rumah dibina ke arah kiblat.
- ii. Pembinaan rumah disusun mengikut bentuk grid.
- iii. Rumah-rumah dibina bergabung dengan alam sekeliling.
- iv. Mewujudkan ruang yang memisahkan di antara lelaki dan wanita.

A i, ii

B ii, iii

C i, iv

D iii, iv

6. Yang manakah di antara berikut merupakan ciri-ciri gaya British-Raj (Moghul).

- i. Minaret
- ii. Kubah emas
- iii. Tiang besar
- iv. Gerbang besar

A i, ii

B i, iv

C ii, iii

D ii, iv

7. Kenyataan di bawah merujuk kepada era pemerintahan

Menerapkan kegiatan perancangan yang lebih teratur pada bandar-bandar yang dibuka bagi tujuan keselesaan penduduk

A Portugis

B China

C Inggeris

D Belanda

8. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Seni Bina Kolonial di Malaysia.

- i. Rekabentuk menggunakan seni reka bentuk asli Inggeris
- ii. Monumen pertama adalah kota pertahanan iaitu Kota Cornwallis.
- iii. Dinding bangunan sangat tebal untuk tujuan ketahanan bangunan.
- iv. Kebanyakan bangunan kolonial dibina di bandar-bandar utama Tanah Melayu.

A. i, ii

B. i, iii

C. ii, iii, iv

D. i, ii, iv

9. Antara yang berikut yang manakah penggerak utama kepada Revolusi Industri pada kurun ke-19.

- A Keluli, tekstil, besi.
- B Tekstil, kuasa stim, besi.
- C Kuasa stim, genting, besi.
- D Tekstil, arang batu, kuasa stim.

10. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Revolusi Industri kurun ke-19.

- A Revolusi bermula di Perancis
- B Penerbitan berkala berkenaan teknologi dan pembuatan
- C Sektor pertanian tidak lagi penting kepada perkembangan ekonomi
- D Pekerja luar bandar mendapat tempat kediaman yang selesa di bandar

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B (60 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.


Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Terangkan kegunaan ruang selang dalam variasi rekabentuk Rumah Selang.
(3 markah)
- b. Bincangkan dua (2) perbezaan di antara Rumah Perabung Lima dengan Rumah Perabung Limas. Gunakan lakaran untuk membantu penerangan anda mengikut format di bawah.

Rumah Perabung Lima		Rumah Perabung Limas	
Penerangan	Lakaran	Penerangan	Lakaran
i. (2.5m)		i. (2.5m)	
ii. (2.5m)		ii. (2.5m)	
	(1m)		(1m)

(12 markah)

SOALAN 2**Foto 1**

- a. **Foto 1** adalah Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur yang merupakan salah satu bangunan yang direkabentuk dengan gaya seni bina British-Raj. Namakan elemen-elemen British-Raj tersebut pada nombor 1 hingga 5.
(5 markah)
- c. Berikan maksud bangunan ‘Stadhuis’ yang terletak bersebelahan dengan bangunan Christ Church di Melaka dan terangkan ciri-ciri yang terdapat pada bangunan tersebut.
(10 markah)

SOALAN 3

- a. Terangkan bagaimana kuasa stim menyumbang kepada inovasi semasa Revolusi Industri.
(3 markah)
- b. Terangkan **dua (2)** ciri utama Senibina **Art Deco**.
(4 markah)
- c. Salah satu bangunan terkemuka era Senibina Art Noveau adalah Casa Mila oleh Arkitek Antoni Gaudi (1859). Bincangkan **dua (2)** inspirasi Antoni Gaudi di dalam mereka bentuk bangunan tersebut. Sila buat lakaran untuk membantu penerangan mengenai bangunan tersebut.
(8 markah)

SOALAN 4

- a. Berikan **tiga (3)** ciri am reka bentuk bangunan gaya Modern pada awal abad ke20 .
(3 markah)
- b. Rumah Schroder adalah reka bentuk terkenal semasa era *Modern International Style (De Stijl)*. Terangkan **dua (2)** ciri pada bangunan tersebut yang memenuhi rekabentuk gaya *De Stijl*.
(4 markah)
- c. Frank Lloyd Wright terkenal dengan falsafah Seni Bina *Prairie* ketika awal karier beliau. Beri pendapat anda bagaimana *key element* pada rekabentuk Rumah *Prairie* mematuhi falsafah tersebut. Anda boleh memberikan contoh lakaran bangunan untuk membantu penerangan anda.
(8 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C (30 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Terangkan bagaimana Gaya *Art Deco* telah mempengaruhi gaya Senibina di Malaysia sebelum merdeka.

(5 markah)

- b. Terangkan **dua (2)** ciri Menara Tabung Haji rekaan Arkitek Hijaz Kasturi.

(4 markah)

- c. Terangkan **tiga (3)** ciri identiti kebangsaan yang diterapkan pada bangunan Perpustakaan Negara Malaysia

(6 markah)




Foto 2

- d. **Foto 2** di atas adalah bangunan Mesiniaga rekaan Arkitek Ken Yeang. Berdasarkan kepada foto tersebut, berikan pendapat anda tentang bagaimana reka bentuk bangunan tersebut memenuhi ciri-ciri rekabentuk klimatik. Sila lakarkan ciri-ciri rekabentuk klimatik untuk membantu penerangan anda.

(15 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

